

12/08/1997

Didik anak menjaga kebersihan

Yati

BEBERAPA minggu lalu, kami berkelah di Templer's Park, dan selepas makan kami mencari tong sampah untuk membuang sampah yang sudah dikumpulkan selepas makan. Puas keliling mencari tempat sampah, kalau ada pun sudah penuh dan sampahnya terkeluar bertaburan. Lalat pun berterbangan kerana menghidu bau makanan daripada bekas-bekas makanan itu. Akhirnya, kami bawa pulang satu beg sampah dan dibuang dalam tong sampah dekat rumah kita.

Sebahagian sampah itu pula bertaburan di tebing sungai di situ dan tidak kurang yang dicampakkan dalam sungai. Mungkinkah ini perbuatan anak-anak atau memang sikap atau tabiat rakyat negara ini yang "pengotor".

Senario seperti ini sebenarnya bukan asing kepada rakyat negara ini walau kemana mereka pergi terutama di kawasan tumpuan orang ramai. Jadi kita tidak hairanlah bila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad marah dengan keadaan kebersihan di kawasan Jalan Bukit Bintang. Beliau pastinya malu dengan rakan sejawatannya, Perdana Menteri Pakistan, Mohamad Nawaz Shariff yang melalui jalan itu untuk ke hotelnya. Pastinya Nawaz Shariff nampak sampah sarap yang ada di situ tetapi buat-buat tak tahu kerana tidak mahu memalukan tuan rumah.

Kita pun kalau tidak kerana terpaksa tidak akan pergi ke situ kerana jalan di situ kini terlalu sibuk. Bagaimanapun kawasan itu memang menjadi tumpuan anak-anak muda sam ada siang mahupun malam kerana pusat membeli-belah dan pusat hiburan banyak di kawasan itu. Tidak mengejutkanlah kalau sampah juga banyak bertaburan di situ.

Bagaimanapun apa yang menghairankan kita sedikit ialah kenapa pihak berkuasa berkenaan tidak peka dengan keadaan. Hanya mengambil tindakan apabila diegur atau dimarah. Sepatutnya pihak berkuasa sudah mengambil tindakan sewajarnya kerana mereka sudah tahu kawasan itu akan menjadi tumpuan pembesar negara pada hari berkenaan. Jadi apalah salahnya dibersihkan lebih sedikit daripada biasa.

Menyentuh soal sikap, memang benar kata pepatah, kalau mahu melentur buluh biarlah dari rebungunya. Jika mahu membentuk sikap anak-anak sebaik-baiknya dari kecil. Jika sudah dididik sempurna tetapi tidak menjadi juga, sekurang-kurangnya kita sudah berusaha.

Tetapi yang sering dilihat sekarang ialah, selepas makan malam bersama jarang sekali ibu mengarahkan anak-anak berkemas dan mengambil pinggan mangkuk dan dibasuh. Sebaliknya selepas makan, ibu selalunya menyuruh anak masuk berehat untuk membaca atau menonton tv. Kerja mengemas sama ada dilakukan oleh ibu sendiri, pembantu rumah atau anak perempuan. Anak lelaki memang selalunya lepas melakukan kerja yang masih dianggap kerja perempuan ini.

Kalau di sekolah pula, anak-anak akan diberikan bekal dalam bekas makanan yang pastinya akan dibawa pulang dengan keadaan yang masih belum berbasuh. Ini mungkin tidak boleh disalahkan anak-anak kerana mana ada sabun atau bahan pencucui untuk membasih bekas makanan itu.

Selepas balik sekolah, jarang sekali kita meminta anak-anak menyangkut baju mereka atau mengambil baju kotor untuk masukkan dalam mesin basuh untuk dibasuh. Trend ketika ini, ialah meminta pembantu rumah melakukan semua kerja-kerja itu yang sepatutnya dilakukan oleh anak-anak itu sendiri.

Walaupun contoh yang diberikan itu dirasakan remeh, namun disitulah sebenarnya erti kebersihan yang boleh dididik dalam diri anak-anak supaya mereka membesar dalam suasana bersih.

Kita pastikan mereka faham maksud kebersihan yang tidak saja mandi pagi dan gosok gigi serta pakai pakaian yang berbasuh.

Kalau kita mahu anak-anak kita menjadi orang yang "pembersih" pastinya kita juga kena bersikap demikian. Kalau mungkin ibu kita tidak mengajar berbuat demikian, namun mereka sudah memberi kita pelajaran secukupnya untuk memahami dan mendidik pula anak kita dengan nilai-nilai kebersihan itu.

Beberapa sahabat yang berpeluang melawat luar negara pernah menceritakan pengalaman betapa nyamannya negara yang dilawati.

Mereka memberi contoh Jepun dan Korea antara negara yang bersih. Walaupun kita mengkategorikannya sebagai negara maju, namun kita yang juga menuju ke arah itu perlu berusaha keras untuk sekurang-kurang menjaga bandaraya kita supaya bersih.

Slogan Malaysia Boleh! boleh diterapkan dimana-mana dan dalam hal ini pastinya kita boleh melakukannya jika mahu.

(END)